



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL. 4/2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERMOHONAN PERUNTUKAN DAN PROSES PENGAMBILAN
JAWATAN-JAWATAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan seperti berikut:

Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara adalah dengan ini bertanggungjawab sebagai Agensi Utama (*Lead Agency*) dalam hal-ehwal penyelarasan dasar dan keperluan tenaga manusia dalam bidang teknologi maklumat, seperti tatacara disediakan di bawah:

i. PROSES MENGHADAPKAN PERMOHONAN PERUNTUKAN

Bagi jawatan-jawatan dalam BAHAGIAN I dan II, Setiausaha-Setiausaha Tetap bertanggungjawab bagi menyelaraskan keperluan tenaga manusia dalam bidang teknologi maklumat di Kementerian masing-masing dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dengan menghadapkan sokongan kepada Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara untuk penilaian dan sokongan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan.

Sementara itu, bagi jawatan-jawatan dalam BAHAGIAN III, IV dan V, Setiausaha-Setiausaha Tetap berkenaan hendaklah mendapatkan sokongan dan ulasan Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara sebelum menghadapkannya kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan.

ii. PROSES PENGAMBILAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bagi jawatan-jawatan dalam BAHAGIAN I dan II, Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara selaku *lead agency* adalah bertanggungjawab mengendalikan pengambilan dan penempatan pegawai-pegawai berkenaan melalui Pusat Teknologi Maklumat di kementerian-kementerian berkenaan;

Sementara itu bagi jawatan-jawatan dalam BAHAGIAN III, IV DAN V, Proses pengambilan adalah diselaras dan dikendalikan oleh Setiausaha Tetap di kementerian berkenaan.

Senarai jawatan-jawatan dalam bidang teknologi maklumat yang telah diselaras adalah seperti yang dimuatkan di LAMPIRAN 'A'.



Sementara itu, tatacara lengkap bagi Proses Mendapatkan Peruntukan Jawatan-Jawatan Dalam Teknologi Maklumat dan Proses Pengambilan Jawatan-Jawatan berkenaan adalah seperti dimuatkan di LAMPIRAN 'B' dan di LAMPIRAN 'C'.

Untuk sebarang keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah berhubung dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"Kasih Membawa Sejahtera, Lalai Membawa Binas"

(PENGIRAN DATO PADUKA HAJI ABDUL HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN)

Setiausaha Tetap
pghamid.yassin@pmo.gov.bn

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan (04) JPM/SK/2005

Tarikh: 21 Zulhijjah 1426
21 Januari 2006



Lampiran A

Berikut adalah senarai Gelaran Jawatan dan Tanggagaji bagi jawatan-jawatan dalam bidang teknologi maklumat yang telah diselaras seperti yang dikeluarkan melalui Surat Arahan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan kepada Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian-kementerian bilangan KKW/X/17 bertarikh 6 Zulhijah 1423H bersamaan 8 Februari 2003M:

Gelaran Jawatan	Tanggagaji
1. Pengurus Sistem	Kumpulan 3/2
2. Penganalisa Sistem Kanan	B3
3. Penganalisa Sistem	B2 EB3
4. Jurutera Sistem	B2 EB3
5. Penyelia Sistem	C3-4 EB5
6. Penjadual	C3-4 EB5
7. Pengendali Sistem Kanan	C1-2EB3
8. Pengendali Sistem	D3-EB5

Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan di atas boleh didapati dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

5.

